

Sindiket Anton palsukan cop imigresen tumpas

Putrajaya: Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menumpaskan rangkaian sindiket pemalsuan cop imigresen yang aktif di Lembah Klang berikutan penahanan beberapa warga Indonesia termasuk dalang sindiket terbabit, kelmarin.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzai mee Daud berkata, pihaknya melakukan serbuan di dua premis di Sungai Way, Petaling Jaya, jam 7.45 malam dipercayai menjalankan kegiatan pemalsuan cop imigresen.

Menurutnya, hasil serbuan pertama, pihaknya menemui 39 pasport Indonesia, 12 Surat Perjalanan Laksana Pasport (SPLP) Indonesia dan menahan seorang lelaki berusia 38 tahun

bersama seorang wanita berusia 32 tahun disyaki dalam sindiket pemalsuan cop berkenaan.

Beliau berkata, lelaki terbabit dikenali Anton diper- cayai ketua Sindiket Anton dan hasil siasatan Bahagian Perisikan, Operasi Khas dan Analisa JIM mendapat- si- diket itu sudah beroperasi lebih dua tahun itu adalah rangkaitan sindiket Damrah@Wak Jam yang ditum- paskan sebelum ini.

Katanya, serbuan di pre- mis kedua, menemui pel- bagai bentuk *rubber stamp* digunakan untuk membuat cop palsu imigresen.

"Antara *rubber stamp* di- temui adalah bagi membuat

cop keluar masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Stulang Laut dan Tanjung Kupang, Johor serta Pelabuhan Melaka," katanya pada si- dang media di sini, semalam.

Turut ditemui itu, 28 pas- port Indonesia, empat SPLP Indonesia dan masing-masing pasport Bangladesh dan Mala- ysia.

Seramai 12 warga Indo- nesia membabitkan tujuh lelaki dan empat wanita serta seorang kanak-kanak perempuan turut ditahan atas

kesalahan Akta Imigresen 1956/63 kerana menggunakan dokumen dan pas palsu.

Khairul Dzaimee berkata, semua warga Indo- nesia itu dipercaya- yi dalam proses untuk mendapatkan cop palsu pasport bagi memboleh- kan mereka pulang ke Indo- nesia.

Menurut beliau, sindiket itu mensasarkan warga Indonesia yang memiliki pasport, tetapi tinggal lebih masa di Malaysia dan ingin pulang ke Indo-

nesia tanpa berhadapan tin- dakan JIM.

"Sindiket ini juga mem- buat cop imigresen kepada mana-mana individu yang tinggal lebih masa sebelum bermula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pemilik akan menghan- tar pasport berserta bayaran kepada Anton melalui dua lelaki Indonesia lain bagi membuat cop palsu seolah-olah pas itu tamat ketika PKP bagi mendapatkan pengecualian tindakan kesalahan tinggal lebih masa sepanjang perintah itu.

"Suspek memproses lima dokumen setiap hari dan mengenakan bayaran antara RM150 hingga RM250 ba-

gi setiap cop palsu imig- resen," katanya.

Beliau berkata, Anton dan pasangannya ditahan kera- na melakukan kesalahan mengikut Seksyen 55D, Akta Imigresen 1959/63 jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak kurang RM30,000 dan penjara mi- nimum lima tahun serta bo- leh dikenakan enam se- batan maksimum.

"Imigresen masih mem- buru dua lelaki Indonesia yang dipercayai terbabit sebagai orang tengah ke- pada sindiket ini dan orang ramai yang mem- punyai maklumat boleh melaporkan kepada imig- resen," katanya.



**Suspek
memproses lima
dokumen setiap
hari**

Khairul Dzaimee